



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PROGRAM JERAYAWARA 2024

Panduan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

***Bagi Pematuhan Seksyen 29A
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994***



Oleh:

Bahagian Industri Kecil Sederhana dan Sektor Bukan Kilang
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



ISI KANDUNGAN

- 1 Pengenalan
- 2 Tujuan
- 3 Skop & Pemakaian Seksyen 29A
- 4 Kehendak Perundangan
- 5 Definisi
- 6 Pelantikan Penyelaras KKP
- 7 Keperluan Latihan Penyelaras KKP
- 8 Peranan Majikan Terhadap Pematuhan Sek 29A
- 9 Bidang Tugas Bagi Maksud Menyelaras KKP



PENGENALAN

- 1 Pada tahun 2016, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah membangunkan Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Industri Kecil dan Sederhana 2016 – 2020 (IKS 2020).
- 2 Salah satu program khusus yang dirancang melalui Strategi 6, Pelan Strategik IKS 2020 adalah meningkatkan bilangan pengamal KKP. Melalui program ini setiap IKS perlu melantik sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk bertindak sebagai Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penyelaras KKP).
- 3 Pelaksanaan projek rintis berkaitan pelantikan Penyelaras KKP ini telah dilaksanakan diantara tahun 2017 sehingga 2020 melibatkan IKS terpilih diseluruh negara. Hasil daripada projek rintis ini menunjukkan impak positif terhadap prestasi KKP di IKS tersebut.
- 4 Berdasarkan impak positif yang dihasilkan, Jabatan memutuskan untuk memasukkan keperluan pelantikan Penyelaras KKP dalam pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994
- 5 Melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 yang telah diwartakan pada 16 Mac 2022, suatu peruntukan telah diwujudkan iaitu Seksyen 29A yang mewajibkan majikan melantik salah seorang daripada pekerjanya untuk bertindak sebagai Penyelaras KKP di tempat kerja.

TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pematuhan kepada **Seksyen 29A Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022** berhubung pelantikan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan peranannya dalam menyelaras isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

SKOP & PEMAKAIAN SEKSYEN 29A

Peruntukan Seksyen 29A, AKKP 1994 terpakai kepada majikan yang **mengambil kerja lima atau lebih pekerja** dan tempat kerjanya **tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja sebagaimana yang disenaraikan dalam Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

Majikan yang telah melantik seorang pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja disifatkan telah mematuhi peruntukan Seksyen 29A.



KEHENDAK PERUNDANGAN

SEKSYEN 29A, AKKP 1994

- (1) Seseorang majikan yang tempat kerjanya tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja sebagaimana yang disiarkan dalam Warta di bawah subseksyen 29(1) hendaklah melantik salah seorang daripada pekerjanya untuk bertindak sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan jika dia mengambil kerja lima atau lebih pekerja di tempat kerjanya.
- (2) Seseorang pekerja yang dilantik sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilantik bagi maksud menyelaraskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
- (3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang majikan yang disebut dalam subseksyen (1) yang telah melantik seorang pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja hendaklah disifatkan telah mematuhi subseksyen (1).
- (4) Seseorang majikan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 31A, AKKP 1994

Seksyen 31A di mana Penyelaras KKP merupakan orang yang perlu menghadiri kursus latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan oleh penyedia latihan berdaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan di bawah:

- (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menghendaki mana-mana kelas atau perihal orang untuk menghadiri kursus latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu yang dijalankan oleh seorang penyedia latihan berdaftar.
- (2) Majikan mana-mana orang yang dikehendaki untuk menghadiri apa-apa kursus latihan di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan yang orang itu telah menyelesaikan kursus latihan tersebut sebelum membenarkan orang itu untuk melaksanakan apa-apa kerja yang baginya latihan itu diperlukan.

DEFINISI

SHO

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan adalah orang kompeten yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997

TP

Penyedia Latihan Berdaftar

Penyedia latihan berdaftar di bawah seksyen 31C Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mengendalikan kursus latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

OSHC

Penyelaras Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator)

Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah seseorang yang telah menghadiri kursus latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditetapkan melalui suatu Perintah di bawah Seksyen 31A dan dilantik oleh majikan bagi maksud menyelaraskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

SSS

Penyelia Keselamatan Tapak Bina

Penyelia Keselamatan Tapak Bina adalah orang kompeten yang berdaftar dengan Ketua Pemeriksa di bawah Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986

MYKKP

Sistem MyKKP

Sistem MyKKP adalah sistem perkhidmatan atas talian yang membolehkan pelanggan Jabatan berurus dengan JKPP dan membolehkan majikan mengemaskini maklumat syarikat. Sistem nib oleh diakses melalui laman sesawang <https://mykkp.dosh.gov.my>



PELANTIKAN PENYELARAS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Prinsip dan falsafah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah meletakkan tanggungjawab mengurus risiko kepada orang yang mengwujudkan risiko tersebut. Harus diingat bahawa pelantikan Penyelaras KKP bukanlah untuk memindahkan tanggungjawab majikan yang termaktub dalam perundangan tetapi adalah untuk memastikan majikan dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dan efektif.

Panduan yang boleh dipertimbangkan oleh majikan dalam membuat pelantikan Penyelaras KKP meliputi perkara berikut:

**Kriteria
Pelantikan**

**Skop Pelantikan
Penyelaras KKP**

**Pemberitahuan
Lantikan**

Kriteria Pelantikan



Kriteria Pekerja

Majikan apabila hendak melantik pekerjanya sebagai Penyelaras KKP perlu mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Merupakan pekerja yang berkeupayaan dan mampu membantu majikan melaksanakan aktiviti menyelaras KKP di tempat kerja tersebut;
- 3) Seseorang yang telah hadir latihan Penyelaras KKP dengan penyedia latihan berdaftar yang diluluskan oleh JKPP;



Pelantikan Bertulis

Majikan disaran membuat pelantikan secara bertulis sebagai rekod pematuhan kepada Seksyen 29A;



Majikan Sebagai Penyelaras KKP

Majikan yang merupakan pemilik perusahaan boleh bertindak sebagai Penyelaras KKP di tempat kerjanya dengan syarat majikan tersebut memenuhi kriteria yang dinyatakan.

Skop Pelantikan Penyelaras KKP

Seseorang pekerja itu boleh dilantik dan bertindak sebagai Penyelaras KKP bagi satu lokasi tempat kerja dimana pekerja tersebut bertugas sahaja.

Sekiranya seseorang majikan mempunyai beberapa lokasi tempat kerja yang berbeza dan setiap tempat kerja tersebut mempunyai keperluan untuk melantik Penyelaras KKP, maka pelantikan Penyelaras KKP bagi setiap tempat kerja tersebut adalah dari kalangan pekerja yang berbeza.

Bagi tempat kerja dengan bilangan pekerja yang ramai tetapi masih tidak termasuk di dalam kelas atau jenis industri yang dikehendaki mengambil kerja SHO, majikan boleh melantik lebih daripada seorang pekerjanya untuk bertindak sebagai Penyelaras KKP tempat kerja tersebut.

1

2

3

Kepelbagaian lanskap pengusahaan yang wujud dalam memenuhi tuntutan perniagaan harus berpaksi kepada tahap risiko yang perlu dikawal. Secara dasarnya Seksyen 29A menghendaki hanya seorang pekerja dilantik untuk setiap tempat kerja. Namun pertimbangan berdasarkan penilaian risiko hendaklah dijadikan asas utama dalam membuat ketetapan. Berikut adalah ketetapan yang wajar dipatuhi oleh majikan:

Pemberitahuan Lantikan

Bagi membolehkan pihak Jabatan mendapatkan maklumat berkaitan pematuhan Seksyen 29A, majikan melalui Penyelaras KKP yang dilantik perlu membuat pemberitahuan pelantikan melalui sistem MyKKP.

01.

Setiap pelantikan seseorang pekerja itu sebagai Penyelaras KKP hendaklah dimaklumkan kepada pihak JKPP melalui sistem MyKKP.

02.

Sekiranya seseorang Penyelaras KKP tersebut telah bertukar tempat kerja, pelantikan dirinya sebagai Penyelaras KKP di tempat kerja terdahulu adalah terbatal.

03.

Seseorang pekerja itu perlu mengemaskini maklumat majikan dan tempat kerja yang baru sekiranya dirinya telah dilantik majikan yang baru untuk menjadi Penyelaras KKP

Bilangan Semasa Penyelaras KKP

Setiap pelantikan seseorang pekerja itu sebagai Penyelaras KKP hendaklah dimaklumkan kepada pihak JKKP melalui sistem MyKKP.

BILANGAN PENYELARAS KKP DIDALAM MYKKP



24,579

(Sehingga 15/05/2024)

The screenshot shows the MyKKP website interface. At the top, there is a navigation bar with links: PENGENALAN, SEMAKAN DYK/ORANG TERLATIH (highlighted in orange), SEMAKAN FYK, INFOGRAM, HUBUNGI KAMI, MEJA BANTUAN, FAQ, PENDAFTARAN, and LOG MASUK. Below the navigation bar, there are dropdown menus for 'Jenis Kompetensi' (selected: OSH COORDINATOR) and 'Kategori' (selected: Nama). There is also a search bar with placeholder text 'Carian...' and a search button. A message 'Carian...' is displayed below the search bar. At the bottom of the page, there is a table with 5 rows of data, each representing an OSH Coordinator. The table columns are: BIL, NAMA, NO DAFTAR, NEGERI MAJIKAN, TARikh TAMAT, and JENIS KOMPETENSI. Each row has a red 'LIHAT DYK' button at the end. The data in the table is as follows:

BIL	NAMA	NO DAFTAR	NEGERI MAJIKAN	TARikh TAMAT	JENIS KOMPETENSI	
1	SANDRA MARY A/P R THANDASAMY	NS/24/OSHC/04/00911	NEGERI SEMBILAN	-	OSH COORDINATOR	LIHAT DYK
2	AHMAD MUSTAQIM HADI BIN WAKARI	PH/24/OSHC/04/01339	PAHANG	-	OSH COORDINATOR	LIHAT DYK
3	MOHD FITRINIZAM EZANEE BIN BUNGSSU	SB/24/OSHC/04/02058	SABAH	-	OSH COORDINATOR	LIHAT DYK
4	ROSLI BIN UDIM	MK/24/OSHC/04/00990	MELAKA	-	OSH COORDINATOR	LIHAT DYK
5	LESLIE ANAK PATRICK KIYOK	SW/24/OSHC/04/02632	SARAWAK	-	OSH COORDINATOR	LIHAT DYK



KEPERLUAN LATIHAN BAGI PENYELARAS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN



Majikan hendaklah memastikan pekerja yang dilantik sebagai Penyelaras KKP menghadiri **latihan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelas atau Perihal Orang Untuk Menghadiri Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) di bawah Seksyen 31A, AKKP 1994 sebelum pekerja tersebut melakukan kerja menyelaras isu KKP di tempat kerja.

Majikan tidak perlu menghantar pekerja untuk menghadiri latihan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan jika pekerja tersebut telah mempunyai salah satu daripada kriteria berikut:

1. KURSUS SHO

Telah menghadiri Kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang diluluskan oleh Menteri di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997

2. KELAYAKAN AKADEMIK

Mempunyai kelayakan akademik diploma dan ke atas dalam bidang KKP yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); atau

3. KURSUS SSS

Telah menghadiri Kursus Penyelia Keselamatan Tapak Bina yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986

PUSAT PENGAJAR KURSUS PENYELARAS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN



98 PUSAT PENGAJAR KURSUS PENYELARAS KKP DI SELURUH NEGARA

(Dikemaskini sehingga 10 Mei 2024)

PERANAN MAJIKAN TERHADAP PEMATUHAN


SEKSYEN 29A

Berikut merupakan peranan majikan dalam menyokong bidang tugas Penyelaras KKP



1 Menyediakan Kemudahan Kepada Penyelaras KKP

Menyediakan kepada Penyelaras KKP yang dilantik kemudahan-kemudahan yang sesuai termasuk peralatan latihan, dan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan Penyelaras KKP itu menjalankan kewajipannya.



2 Program Pendidikan Berterusan

Membenarkan Penyelaras KKP yang dilantik untuk menghadiri apa-apa program pendidikan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun (termasuk latihan dalaman di tempat kerja) untuk menambah pengetahuannya mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



3 Mengisi Kekosongan Penyelaras KKP

Sekiranya berlaku kekosongan jawatan Penyelaras KKP, majikan perlu melantik Penyelaras KKP yang baru seboleh-sebolehnya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kekosongan jawatan berlaku.



4 Pembahagian Tugasan

Majikan perlu memastikan pembahagian tugas antara tugasan hakiki dengan tugasan sebagai Penyelaras KKP yang bersesuaian bagi pekerja yang telah dilantik

Majikan digalakkan melaksanakan pembahagian tugas seperti berikut:

1. Peratusan tugas yang bersesuaian
2. Menjadikan Penyelaras KKP pelantikan spesifik
3. Melantik lebih daripada seorang Penyelaras KKP

Bidang Tugas Bagi Maksud Menyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



Membantu Majikan

Membantu majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat kerja mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan orang-orang yang diambil bekerja di tempat kerja itu



Memeriksa Tempat Kerja

Memeriksa tempat kerja untuk menentukan sama ada jentera, loji, peralatan, bahan, perkakas atau proses atau apa-apa jenis kerja kasar yang digunakan di tempat kerja, yang boleh menyebabkan kecederaan anggota kepada mana-mana orang yang bekerja



Pengurusan Risiko

Untuk membantu majikan menjalankan pentaksiran risiko di tempat kerja.



Pelaporan

Membantu majikan melapor kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja kepada pihak JKPP melalui JKPP 6, JKPP 7 & JKPP 8.



Arahan Lain

Menjalankan apa-apa arahan lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Antara arahan tersebut adalah:

- Menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) sekiranya tempat kerja yang tiada SHO



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Terima Kasih

*Panduan Penyelaras Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan*

PROGRAM JERAYAWARA 2024

